



جاہتین حال احوال اکام اسلام نکری سابه

KHUTBAH JUMAAT 13 MUHARAM 1441 H / 13 SEPTEMBER 2019 M

CIRI-CIRI TAKWA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

مَا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Marilah sama-sama kita bertakwa ke hadrat Allah SWT dengan melakukan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala bentuk yang ditegah dan dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan hamba-hambanya yang beramal soleh, demi untuk menghasilkan kehidupan yang bahagia di dunia dan juga di akhirat.

HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Setiap detik dari kehidupan kita, setiap langkah dalam perjalanan hayat kita, sesungguhnya hanya akan bermakna seandainya ia diterjemahkan dengan nilai-nilai ketakwaan. Ketakwaan menjadi asas kepada kecemerlangan dalam segala bidang

kehidupan insan. Dalam hidup sebagai seorang remaja, ketakwaan menjadi landasan membina kecemerlangan generasi tersebut. Dalam hidup berkeluarga, ketakwaan menjadi penjana kebahagiaan rumah tangga. Dalam hidup berjiran, bermasyarakat dan bernegara, ketakwaan juga menjadi pemangkin kepada kesejahteraan dan kemakmuran sesebuah masyarakat dan Negara. Malah peradaban dan tamadun manusia yang unggul juga terpancar dari sumber manusia dan sistem kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang berasaskan nilai-nilai ketakwaan.

Justru, soalnya di sini apakah nilai takwa itu? Al-Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa *takwa* berasal dari kata *wiqayah* iaitu pelindung atau pemelihara yang merujuk kepada terpeliharanya orang-orang yang takwa itu daripada kejahatan. Sementara Abdullah Ibnu Abbas pula menjelaskan bahawa orang-orang yang bertakwa itu adalah orang yang berhati-hati dalam ucapan dan perbuatannya agar terhindar daripada kemurkaan dan siksaan Allah. Mereka juga sentiasa meninggalkan dorongan hawa nafsu sambil mengharap keredhaan Allah dengan menunaikan segala perintah-Nya.

Jelas di sini bahawa ciri utama golongan *muttaqin* atau orang-orang yang bertakwa itu ialah:

Pertama: Sentiasa memelihara diri daripada melakukan kemungkar.

Kedua: Orang-orang yang takwa sentiasa menentang dorongan hawa nafsu dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara mungkar.

Ketiga: Orang-orang yang bertakwa sentiasa memelihara lisan dan tindakannya daripada sesuatu yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT.

Keempat: Orang-orang yang bertakwa sentiasa mengharap rahmat dan keredhaan Allah dengan melaksanakan nilai hidup belandaskan Kitabullah dan Sunnah Rasulullah SAW.

Kelima: Orang-orang yang bertakwa sentiasa menjaga hubungan mereka dengan Allah dan memelihara dengan baik ikatan sesama manusia. Ertinya takwanya terhadap Allah memancar dalam kehidupan bermasyarakat.

HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Kelima-lima ciri yang disebutkan tadi jika dilaksanakan dalam pelbagai urusan hidup pasti akan memancarkan kejayaan dan kebahagiaan.

Misalnya dalam hidup bermasyarakat, ketakwaan akan melahirkan rasa kasih sayang, membina semangat muafakat, menjalin kerjasama, ikhlas, adil dan amanah yang menjadi tuntutan kepada setiap individu mukmin.

Demikian juga takwa akan menjauhkan seseorang daripada melakukan tindakan yang ditegah oleh agama seperti mengumpat, mengadu-domba, mencaci, memfitnah, berprasangka buruk, menzalimi dan memudaratkan individu dalam anggota masyarakat. Betapa rahmatnya kehidupan masyarakat yang bersatu hati serta menjauhi sifat dengki mendengki dan bermusuhan, pancaran daripada nilai-nilai takwa yang terbina dalam kehidupan setiap diri dan mukmin.

Dengan sifat-sifat takwa yang terbina dalam kehidupan masyarakat, Allah SWT memberikan rahmat dan keredhaan-Nya dengan memberikan kelapangan hidup bagi masyarakat yang berbentuk kemurahan rezeki dengan taraf hidup yang sejahtera dan beroleh keredhaan-Nya. Inilah nilai yang menjana kegemilangan tamadun Islam yang cemerlang dengan kemantapan nilai ilmu dan iman, keteguhan nilai ukhuwah dan perpaduan, dan tingginya nilai ihsan dan kemanusiaan yang terjana daripada ketakwaan kehadiran Allah SWT. Tamadun yang unggul sesungguhnya adalah tamadun yang diasas dengan nilai-nilai takwa ke hadirat Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam al-Quran surah at-Talak ayat 2.

□ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا

“Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar”.

□ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ □ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.